



**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
TAHUN 2018**

oleh

**YBHG. DATO' PROF. Ts. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
PENGERUSI
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Harapan

Bilangan Calon

1. Sukacita saya, sebagai Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia memaklumkan bahawa bilangan calon yang **mendaftar** untuk menduduki peperiksaan STPM 2018 adalah sebanyak 44,290 calon manakala yang hadir adalah sebanyak **42,849 calon** (96.75 peratus).

Bilangan Calon Mengikut Aliran

2. Dari segi aliran pula, bilangan **calon aliran Sains Sosial** adalah sebanyak 38,262 calon (89.29 peratus) manakala 4,587 calon (10.71 peratus) adalah **calon aliran Sains**.
3. Mata pelajaran **Pengajian Am** adalah mata pelajaran yang mempunyai bilangan calon **terdaftar** yang **tertinggi**, iaitu sebanyak **44,271 calon** (19 calon tidak mendaftar Pengajian Am).

PENCAPAIAN KESELURUHAN CALON

4. Sukacita saya, memaklumkan bahawa secara keseluruhannya pencapaian calon dalam peperiksaan **STPM 2018** telah **terus MELONJAK** sejak sistem modular STPM diperkenalkan pada tahun 2013 dengan **PNGK 2.80** dalam peperiksaan STPM 2018 berbanding PNGK pada tahun 2017, iaitu hanya 2.76. Ini menunjukkan peningkatan yang amat **memberangsangkan** yang dapat dilihat pada kesemua kriteria pengukuran pencapaian tersebut jika dibandingkan dengan peperiksaan STPM 2017.
5. PNGK calon **sekolah kerajaan** juga meningkat, sama dengan **PNGK Nasional, iaitu 2.80**, berbanding tahun 2017 hanya 2.76.
6. Bilangan calon yang mendapat **PNGK 4.00 (Four Flat)** daripada keseluruhan calon yang hadir dalam peperiksaan STPM 2018 telah **BERTAMBAH**, iaitu daripada 485 calon (1.13 peratus) **kepada 666 calon** (1.55 peratus), iaitu **meningkat sebanyak 181 calon** dengan perbezaan peratus sebanyak 0.42 peratus berbanding dengan tahun 2017.
7. Lebih menggembirakan daripada keseluruhan calon sebanyak 666 calon yang mendapat PNGK 4.00, **489** daripadanya atau **73.42 peratus** adalah daripada golongan **B40**.
8. Bilangan dan peratusan calon yang mendapat **PNGK 3.50 ke atas**, juga telah mencatat **PERTAMBAHAN** bilangan calon, iaitu bertambah kepada **7,129 calon** (16.63 peratus) pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 sebanyak 6,408 calon (14.89 peratus).

9. Bilangan dan peratusan calon yang mendapat **PNGK 3.00 ke atas**, juga telah mencatat **PERTAMBAHAN** bilangan calon, iaitu bertambah kepada **18,113 calon** (42.27 peratus) pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 sebanyak 17,423 calon (40.48 peratus).
10. Dengan peningkatan PNGK secara keseluruhan ini saya menjangkakan **bilangan peluang lepasan STPM 2018** untuk diterima masuk ke **Universiti Awam (UA)** adalah **LEBIH BESAR** kerana peningkatan peratusan dan bilangan calon yang mendapat PNGK 2.75 ke atas adalah **tinggi**, iaitu **56.90 peratus** berbanding pada tahun 2017 hanya 55.19 peratus .

PNGK Calon Mengikut Lokasi Bandar Dan Luar Bandar

11. Dalam STPM 2018, pencapaian PNGK calon **bandar** adalah **2.80** manakala PNGK calon **luar bandar** adalah **2.79**. **Perbezaan jurang** pencapaian antara calon bandar dengan calon luar bandar dalam peperiksaan STPM 2018 berbanding STPM 2017 didapati semakin **MERAPAT dan HAMPIR MENYAMAI**, iaitu daripada 0.03 mata pada STPM 2017 kepada **0.01 mata** pada STPM 2018.

PENINGKATAN CALON YANG MENDAPAT 5A DAN 4A

12. Dalam peperiksaan STPM 2018, bilangan dan peratusan calon yang mendapat 5A dan 4A daripada jumlah keseluruhan calon yang hadir dalam peperiksaan didapati telah meningkat berbanding dengan peperiksaan STPM 2017, iaitu daripada 521 calon atau 1.21 peratus calon dalam peperiksaan STPM 2017 kepada **673 calon** atau **1.57 peratus** dalam peperiksaan STPM 2018. **Bilangan ini melebihi bilangan calon yang mendapat**

PNGK 4.00 yang sebanyak 666 calon kerana terdapat 7 calon yang tidak mendapat A dalam Pengajian Am.

PENCAPAIAN CALON MENGIKUT KELULUSAN LULUS PENUH (PERINGKAT PRINSIPAL)

13. Dalam peperiksaan STPM, lulus penuh adalah daripada **gred C ke atas**, lulus sebahagian adalah antara gred C— ke gred D, dan gagal adalah pada gred F.
14. Untuk mengukur pencapaian keseluruhan calon STPM berdasarkan kelulusan lulus penuh dalam mata pelajaran, lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran telah diambil kira. Seperti yang telah dimaklumkan, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan syarat bahawa dalam suatu peperiksaan STPM, **lulus penuh dalam empat mata pelajaran terbaik sahaja termasuk mata pelajaran Pengajian Am** akan dipertimbangkan untuk memasuki Universiti Awam.
15. Dalam peperiksaan STPM 2018, peratusan calon yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran telah meningkat kepada **74.08 peratus** atau **31,741 calon** berbanding dengan pencapaian lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran tahun sebelumnya, iaitu 72.02 peratus atau 31,002 calon.
16. Pada STPM 2018, didapati PNGK calon di Kolej Tingkatan Enam (sebelum ini dikenali sebagai **Mod 1**), Pusat Tingkatan 6 Mod 2, dan Pusat Tingkatan 6 Mod 3 telah menunjukkan **peningkatan**

yang memberangsangkan dan berjaya mencapai **PNGK Sekolah Kerajaan dan PNGK Nasional** dengan masing-masing mendapat PNGK **2.80, 2.81, dan 2.80**.

PRESTASI MATA PELAJARAN

17. Secara keseluruhannya, **kesemua 22 mata pelajaran** yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2018 telah mencatatkan peratusan **lulus penuh melebihi 70 peratus**, iaitu gred C dan ke atas.

18. Dalam peperiksaan STPM 2018, **tiga mata pelajaran** telah menunjukkan peningkatan dalam prestasi lulus penuh berbanding dengan prestasi pada tahun sebelumnya yang **melebihi 3.00 peratus** berbanding peperiksaan STPM 2017, iaitu mata pelajaran **Physics, Biology, dan Information and Communications Technology**.

PENETAPAN STANDARD

19. Penetapan standard STPM 2018 dilaksanakan dengan efisien melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2018 dengan dinasihati dan diselia oleh **Cambridge Assessment International Education, United Kingdom**. Nasihat dan penyeliaan secara berterusan dari Cambridge Assessment International Education, UK adalah bertujuan mengekalkan standard yang telah dilaksanakan semenjak STPM 1982 dan STPM diterima di peringkat antarabangsa (global). **Pengiktirafan** dari Cambridge Assessment International Education, UK ini terzhahir **di belakang Sijil STPM**.

Wakil dari Cambridge Assessment International Education, UK yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM 2018 ialah **Mr. Mark Dowling dan Mrs Diane Palmer, Consultant of Cambridge Assessment International Education, UK**. Berikut adalah rumusan positif petikan laporan daripada Mr. Mark Dowling tentang mesyuarat penetapan standard tersebut:

*“The declared objective was to **maintain the standard** of each STPM subject. The meetings were conducted in the **familiar efficient way**, using the excellent Excel spreadsheets which enabled us to see readily the effect of alternative thresholds. Files of evidence followed a standard template of information which is **very clear**.” – Mr. Mark Dowling, Consultant of Cambridge Assessment International Education, UK.*

20. Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2018 akan dikeluarkan pada hari ini, **Isnin, 11 Mac 2019**. Calon sekolah kerajaan dan sekolah swasta boleh mendapatkan slip keputusan di sekolah masing-masing pada jam **12:00 tengah hari ini**, manakala calon persendirian akan mendapat slip keputusan mereka melalui pos. Di samping itu, semua calon boleh mendapatkan keputusan peperiksaan melalui portal MPM [www.mpm.edu.my] dan juga melalui SMS (sistem mesej singkat) di talian 15888.

ANUGERAH PELAJAR TERBAIK

21. Dalam peperiksaan STPM 2018, Majlis Peperiksaan Malaysia telah memilih **20 pelajar terbaik** mengikut kategori untuk diberikan anugerah.

22. Terdapat **tiga pelajar istimewa** terbaik dan **seorang pelajar terbaik yang menghidap sakit kritikal** akan diberikan penghargaan dan ganjaran khas sebagai menghargai usaha mereka untuk mencapai keputusan yang terbaik walaupun menghadapi pelbagai kesukaran dalam keadaan jerih-perih.
23. Bagi menyokong dasar Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap pendidikan untuk murid Orang Asli, iaitu memastikan Orang Asli diberi peluang untuk mendapatkan akses kepada pendidikan yang berkualiti dan relevan, Majlis Peperiksaan Malaysia meneruskan lagi pemberian penghargaan dan anugerah yang diperkenalkan pada tahun 2014 kepada **seorang pelajar Orang Asli**.
24. Buat pertama kali dan julung-julung kalinya pada STPM 2018 ini, MPM akan memberikan anugerah kepada lima pelajar terbaik kategori **B40**.
25. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, Majlis Peperiksaan Malaysia juga telah memilih calon cemerlang yang mendapat **Band 6** yang setara dengan **C2 pada CEFR** (*highly proficient user*) dalam **Malaysian University English Test (MUET)** pada tahun 2018, iaitu seorang daripada setiap sesi MUET 2018 akan diberikan Anugerah Pelajar Terbaik MUET 2018.
26. Selain itu, sukacita saya memaklumkan bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia telah mengelolakan **Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW)** sejak tahun 2015. Sehubungan itu pada tahun ini, buat pertama kalinya Majlis Peperiksaan Malaysia akan memberikan anugerah kepada

seorang warganegara asing yang mendapat **keputusan terbaik dalam Ujian SKBMW 2018.**

PENUTUP

27. Pada kesempatan ini juga, sukacita saya mengumumkan bahawa mulai kohort STPM 2020 yang peperiksaan pertamanya akan diadakan pada Semester 1 pada bulan November 2019, Majlis Peperiksaan Malaysia akan **MENAWARKAN** mata pelajaran **Tahfiz Al-Quran STPM** yang telah diluluskan oleh YB Menteri Pendidikan. Tujuan mata pelajaran Tahfiz Al-Quran STPM ini ditawarkan adalah untuk menyediakan **laluan pengajian** kepada calon **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** yang telah menduduki Kurikulum Tahfiz Bersepadu Tahfiz bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat STPM.
28. MPM mempunyai jalinan akrab dan kolaborasi yang baik dengan **Cambridge Assessment International Education, United Kingdom** bagi memastikan sijil STPM diiktiraf setaraf dengan GCE Advanced Level yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom dan STPM telah diiktiraf di seluruh dunia.
29. MPM juga akan memastikan peperiksaan STPM dan MUET dikelolakan mengikut standard piawaian seperti yang telah dianugerahkan kepada MPM dengan **Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS01934)** yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.

30. Di samping itu Majlis Peperiksaan Malaysia akan terus memperkasakan jalinan hubungan dengan **International Association for Educational Assessment (IAEA), USA**, iaitu sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh badan pentaksiran pendidikan yang terkemuka di dunia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang pentaksiran selaras dengan keahlian MPM sebagai **Ahli Tetap** IAEA semenjak tahun 1984.
31. Bagi memastikan usaha ke arah memperkasakan standard MUET agar mengikut piawai antarabangsa sebagai produk Malaysia yang berjaya, **MPM telah mensejajarkan (*aligning*) MUET dengan Common European Framework of Reference (CEFR)** melalui penglibatan dan kajian yang telah dilaksanakan oleh pakar-pakar bahasa Inggeris daripada pelbagai Universiti Awam. Kajian yang dibuat telah mendapati MUET adalah setara dengan ujian kemahiran Bahasa Inggeris yang dikelolakan oleh negara lain.
32. Pada hari ini juga, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa MPM dengan kerjasama MIMOS Bhd. akan mempromosikan satu lagi produk baharu yang telah diperkenalkan pada tahun lepas yang berkaitan dengan ujian psikometrik, iaitu **Prospek Kerjaya (PK)**. Melalui Prospek Kerjaya ini, individu yang berusia 15 tahun ke atas akan dapat mengenal pasti minat dan kecenderungan mereka dalam memilih bidang kerjaya yang lebih tepat dengan diri mereka sendiri. Satu keunikan yang ada pada Prospek Kerja ini ialah, ianya mencadangkan bidang pengajian yang sesuai dengan bidang kerjaya mereka serta juga mengesyorkan bidang pengajian yang terdapat di Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negara. Maklumat lanjut

boleh diperoleh di *booth* yang terdapat di foyer *ballroom* dan juga di portal MPM www.mpm.edu.my.

33. Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan STPM 2018, MUET 2018, dan SKBMW 2018, khususnya kepada pelajar yang terpilih untuk menerima anugerah dalam majlis ini. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa atau penjaga dan guru kepada para pelajar terbaik ini.
34. Bagi pelajar yang masih belum menunjukkan kejayaan memberangsangkan diharap tidak putus asa. Cuba lagi dalam peperiksaan yang akan datang. Kepada calon yang akan menduduki STPM pada tahun ini, diharapkan kejayaan calon STPM 2018 pada hari ini dapat dijadikan semangat dan motivasi untuk mencapai keputusan yang lebih baik lagi.
35. Akhir kata, sebagai Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia, kakitangan MPM, Cambridge Assessment International Education, UK, *International Association for Educational Assessment (IAEA)*, Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada di Sektor Pelajaran atau Sektor Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua, guru, wakil industri, ibu bapa, calon, masyarakat, dan tidak ketinggalan juga kepada pihak media yang telah memberikan sokongan yang padu dan terus menerus kepada Majlis Peperiksaan Malaysia dalam

mengangkat martabat dan memperkasakan STPM sebagai produk Malaysia sehingga hari ini.

Syabas **MPM**.

Sekian, terima kasih.

DATO' PROF. Ts. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL

Pengerusi

Majlis Peperiksaan Malaysia

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

11 MAC 2019

Lampiran 1

Perbandingan Bilangan Calon yang Mendaftar dan Bilangan Calon yang Hadir Mengikut Jenis Calon dalam Peperiksaan STPM 2017 dan STPM 2018

Jenis Calon	STPM 2017		STPM 2018		Beza	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	% Naik Turun
Calon Yang Mendaftar						
Calon sekolah kerajaan	44,035	98.91	43,755	98.79	-280	-0.64
Calon sekolah swasta	222	0.50	177	0.40	-45	-20.27
Calon persendirian individu	257	0.57	341	0.77	84	+32.68
Calon sekolah kerajaan negeri	8	0.02	17	0.04	9	+112.50
Calon sekolah integriti	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Jumlah	44,522	100.00	44,290	100.00	-232	-0.52
Calon Yang Hadir						
Calon sekolah kerajaan	42,694	99.19	42,476	99.13	-218	-0.51
Calon sekolah swasta	204	0.47	162	0.38	-42	-20.59
Calon persendirian individu	136	0.32	195	0.45	59	+43.38
Calon sekolah kerajaan negeri	8	0.02	16	0.04	8	+100.00
Calon sekolah integriti	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Jumlah	43,042	100.00	42,849	100.00	-193	-0.45

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Februari 2019)

**Perbandingan Bilangan Calon Mengikut Jantina
dalam Peperiksaan STPM 2018**

Jantina	Bilangan	Peratus
Perempuan	29,354	68.51
Lelaki	13,495	31.49
Jumlah hadir	42,849	100.00

Lampiran 3

Perbandingan Bilangan Calon Mengikut Aliran dalam Peperiksaan STPM 2018

Aliran	Bilangan	Peratus
Sains Sosial	38,262	89.29
Sains	4,587	10.71
Jumlah hadir	42,849	100.00

Lampiran 4

Bilangan dan Peratusan Calon yang Hadir Mengikut Kaum dan Aliran STPM 2018

Kaum	Sains		Sains Sosial		Jumlah Keseluruhan	Peratusan
	Bilangan Hadir	Peratusan	Bilangan Hadir	Peratusan		
Bumiputera (Melayu; Sabah-Bajau, Kadazan, Murut, Bidayuh, Kadayan; Sarawak-Iban dan Melanau; dan Orang Asli)	604	13.17	30,796	80.49	31,400	73.28
Cina	3,486	76.00	4,292	11.22	7,778	18.15
India	421	9.18	2,044	5.34	2,465	5.75
Lain-lain (Benggali, Punjabi, Filipino, dan Indonesia)	76	1.65	1,130	2.95	1,206	2.82
Jumlah	4,587	100.00	38,262	100.00	42,849	100.00

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Februari 2019)

Lampiran 5

Bilangan dan Peratusan Calon yang Mendaftar dan Hadir Mengikut Lima dan Empat Mata Pelajaran STPM 2018

Bilangan Mata Pelajaran	Calon Yang Mendaftar		Calon Yang Hadir	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
5 Mata Pelajaran	3,245	7.33	3,051	7.12
4 Mata Pelajaran	40,985	92.54	39,764	92.80
Jumlah	44,230	99.87	42,815	99.92
Jumlah yang ambil kurang 3 Mata Pelajaran ke Bawah	60		34	
Jumlah keseluruhan	44,290	100.00	42,849	100.00

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Februari 2019)

Lampiran 6

Perbandingan Bilangan Calon STPM 2017 dengan STPM 2018 Mengikut Mata Pelajaran

Bil.	Mata Pelajaran	STPM 2017		STPM 2018	
		Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir	Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir
1	Pengajian Am (900)	44,502	42,980	44,271	42,778
2	Bahasa Melayu (910)	28,323	27,217	28,960	27,923
3	Bahasa Cina (911)	277	262	306	293
4	Bahasa Tamil (912)	416	390	689	653
5	Bahasa Arab (913)	1,765	1,743	1,815	1738
6	Literature In English (920)	71	61	104	94
7	Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922)	5,398	5,088	5,869	5,543
8	Syariah (930)	2,306	2,271	2,334	2,273
9	Usuluddin (931)	1,125	1,108	1,205	1,167
10	Sejarah (940)	22,923	22,031	23,383	22,493
11	Geografi (942)	12,052	11,602	11,554	11,172
12	Ekonomi (944)	14,553	14,056	13,794	13,388
13	Pengajian Perniagaan (946)	17,143	16,549	17,289	16,688
14	Perakaunan (948)	2,443	2,382	2,330	2,282
15	Mathematics M (950)	903	879	724	703
16	Mathematics T (954)	5,649	5,480	4,647	4,521
17	Information and Communications Technology (958)	605	570	532	506
18	Physics (960)	2,594	2,527	2,309	2,255
19	Chemistry (962)	5,511	5,358	4,562	4,443
20	Biology (964)	3,129	2,963	2,409	2,321
21	Sains Sukan (966)	2,746	2,619	2,926	2,782
22	Seni Visual (970)	7,109	6,811	8,257	7,860

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Februari 2019)

Lampiran 7

Perbandingan Pencapaian Calon Secara Keseluruhan dalam Peperiksaan STPM 2017 dan Peperiksaan STPM 2018

Bil.	Pencapaian Calon	Tahun		Beza
		2017	2018	
1	PNGK Nasional	2.76	2.80	+0.04
2	PNGK 4.00	1.13% (485 calon)	1.55% (666 calon)	+0.42%
3	PNGK 3.50 ke atas	14.89% (6,408 calon)	16.63% (7,129 calon)	+1.74%
4	PNGK 3.00 ke atas	40.48% (17,423 calon)	42.27% (18,113 calon)	+1.79%
5	PNGK 2.75 ke atas	55.19% (23,752 calon)	56.90% (24,383 calon)	+1.71%
6	PNGK 2.50 ke atas	69.05% (29,718 calon)	70.55% (30,230 calon)	+1.50%
7	PNGK 2.00 ke atas	88.26% (37,986 calon)	88.93% (38,105 calon)	+0.67%
8	Peratus calon yang mendapat 5A dan 4A	1.21% (521 calon)	1.57% (673 calon)	+0.36%
9	Peratus calon yang mendapat lulus penuh dalam <u>lima dan empat</u> mata pelajaran (gred C ke atas)	72.03% (31,002 calon)	74.08% (31,741 calon)	+2.05%
Bil. Calon Hadir		43,042	42,849	-193
Bil. Calon Daftar		44,522	44,290	-232

**Perbandingan Pencapaian Calon Yang Mendapat PNGK 4.00 Hingga 2.00
Dalam Peperiksaan STPM 2017 dan STPM 2018**

Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK)	Bilangan calon		Peratusan		Bilangan calon Longgokan		Peratusan Longgokan	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018
4.00	485	666	1.13	1.55	485	666	1.13	1.55
3.92	629	739	1.46	1.72	1,114	1,405	2.59	3.27
3.84	419	507	0.97	1.18	1,533	1,912	3.56	4.46
3.83	414	364	0.96	0.85	1,947	2,276	4.53	5.31
3.75	894	1,057	2.08	2.47	2,841	3,333	6.60	7.77
3.67	1,063	1,117	2.47	2.61	3,904	4,450	9.07	10.38
3.59	471	583	1.09	1.36	4,375	5,033	10.17	11.74
3.58	745	707	1.73	1.65	5,120	5,740	11.90	13.39
3.50	1,288	1,389	2.99	3.24	6,408	7,129	14.89	16.63
3.42	1,543	1,560	3.58	3.64	7,951	8,689	18.48	20.27
3.34	570	636	1.32	1.48	8,521	9,325	19.80	21.76
3.33	1,126	1,043	2.62	2.43	9,647	10,368	22.42	24.19
3.25	1,734	1,801	4.03	4.20	11,381	12,169	26.44	28.40
3.17	1,905	1,898	4.43	4.43	13,286	14,067	30.87	32.82
3.09	701	825	1.63	1.93	13,987	14,892	32.50	34.75
3.08	1,312	1,209	3.05	2.82	15,299	16,101	35.55	37.57
3.00	2,124	2,012	4.93	4.70	17,423	18,113	40.48	42.27
2.92	2,067	2,066	4.80	4.82	19,490	20,179	45.28	47.09
2.84	821	948	1.91	2.21	20,311	21,127	47.19	49.30
2.83	1,310	1,237	3.04	2.89	21,621	22,364	50.24	52.19
2.75	2,131	2,019	4.95	4.71	23,752	24,383	55.19	56.90
2.67	2,085	2,034	4.84	4.75	25,837	26,417	60.03	61.65
2.59	757	742	1.76	1.73	26,594	27,159	61.79	63.38
2.58	1,230	1,242	2.86	2.90	27,824	28,401	64.65	66.28
2.50	1,894	1,829	4.40	4.27	29,718	30,230	69.05	70.55
2.42	1,698	1,745	3.94	4.07	31,416	31,975	72.99	74.62
2.34	604	494	1.40	1.15	32,020	32,469	74.40	75.77
2.33	1,067	1,060	2.48	2.47	33,087	33,529	76.87	78.24
2.25	1,455	1,393	3.38	3.25	34,542	34,922	80.26	81.50
2.17	1,307	1,190	3.04	2.78	35,849	36,112	83.29	84.27
2.09	396	322	0.92	0.75	36,245	36,434	84.21	85.02
2.08	748	770	1.74	1.80	36,993	37,204	85.95	86.83
2.00	993	901	2.31	2.10	37,986	38,105	88.26	88.93
Jumlah Calon	37,986	38,105	88.26	88.93				
Jumlah Keseluruhan Calon	43,042	42,849						

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Februari 2019)

Lampiran 9

Bilangan Calon yang Mendapat PNGK 4.00 Mengikut Aliran dan Jantina STPM 2018

PNGK	Bil. Mata Pelajaran	Aliran Sains		Aliran Sains Sosial	
		Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
4.00	5	2	2	15	48
4.00	4	69	49	107	374
Jumlah		71	51	122	422
Keseluruhan		122		544	
JUMLAH BESAR		666			

Lampiran 10

Perbandingan PNGK Calon Mengikut Aliran STPM 2017 dan STPM 2018

Aliran	STPM 2017		STPM 2018		Beza PNGK
	Bil. Calon	PNGK	Bil. Calon	PNGK	
Sains Sosial	37,191	2.78	38,012	2.80	+0.02
Sains	5,475	2.69	4,566	2.77	+0.08
Jumlah*	42,666		42,578		
Jumlah Calon Hadir**	43,042	2.76	42,849	2.80	+0.04

*Jumlah calon yang ada PNGK

**Jumlah semua calon termasuk calon yang tidak mendapat PNGK

**Perbandingan PNGK Calon Bandar dan Luar Bandar dalam
STPM 2017 dan STPM 2018**

Lokasi	PNGK STPM 2017	PNGK STPM 2018	Beza PNGK
Bandar	2.78	2.80	+0.02
Luar Bandar	2.75	2.79	+0.04
Beza (Jurang)	0.03	0.01 (mengecil)	

Perbandingan Bilangan Calon Mendapat Gred A dalam Lima dan Empat Mata Pelajaran pada Peperiksaan STPM 2017 dan STPM 2018

Bilangan Mata Pelajaran yang Diambil	Bilangan Gred A yang Diperoleh	Bilangan Calon			
		STPM 2017 (Jumlah hadir 43,235)		STPM 2018 (Jumlah hadir 42,849)	
		Bil.	%	Bil.	%
Lima	5A	19	0.04	<u>24</u>	0.06
Lima	4A	68***	0.16	<u>50</u> ***	0.12
Empat	4A	434	1.01	<u>599</u>	1.40
Jumlah		521	1.21	673	1.57

***Terdapat calon yang tidak mendapat gred A dalam Pengajian Am

Perbandingan Bilangan dan Peratusan Calon Sekolah Kerajaan, Sekolah Swasta, dan Calon Persendirian Individu Yang mendapat Lulus Penuh dalam 5 hingga 4 Mata Pelajaran Dalam Peperiksaan STPM 2016, STPM 2017 dan STPM 2018

Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2016		STPM 2017		STPM 2018	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
CALON SEKOLAH KERAJAAN						
5 mata pelajaran	1,812	4.23	1,921	4.50	1,726	4.06
4 mata pelajaran	29,080	67.87	28,925	67.75	29,921	70.44
3 mata pelajaran	6,360	14.84	6,655	15.59	6,124	14.42
2 mata pelajaran	3,109	7.26	2,981	6.98	2,659	6.26
1 mata pelajaran	1,859	4.34	1,712	4.01	1,564	3.68
Jumlah	42,220	98.54	42,194	98.83	41,994	98.87
Jumlah Keseluruhan	42,845	100.00	42,694	100.00	42,476	100.00
Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2016		STPM 2017		STPM 2018	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
CALON SEKOLAH SWASTA						
5 mata pelajaran	0	0.00	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	179	64.86	142	69.61	68	41.98
3 mata pelajaran	31	11.23	20	9.80	53	32.72
2 mata pelajaran	26	9.42	18	8.82	14	8.64
1 mata pelajaran	20	7.25	14	6.86	16	9.88
Jumlah	256	92.75	194	95.10	151	93.21
Jumlah Keseluruhan	276	100.00	204	100.00	162	100.00
Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2016		STPM 2017		STPM 2018	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
CALON PERSENDIRIAN INDIVIDU						
5 mata pelajaran	1	0.88	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	7	6.14	10	7.35	13	6.67
3 mata pelajaran	11	9.65	15	11.03	20	10.26
2 mata pelajaran	16	14.04	16	11.76	26	13.33
1 mata pelajaran	35	30.70	54	39.71	59	30.26
Jumlah	70	61.40	95	69.85	118	60.51
Jumlah Keseluruhan	114	100.00	136	100.00	195	100.00

Lampiran 13 (...sambungan)

Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2016		STPM 2017		STPM 2018	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
CALON SEKOLAH KERAJAAN NEGERI						
5 mata pelajaran	0	0	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	0	0	4	50.00	13	81.25
3 mata pelajaran	0	0	1	12.50	2	12.50
2 mata pelajaran	0	0	2	25.00	1	6.25
1 mata pelajaran	0	0	1	12.50	0	0.00
Jumlah	0	0	8	100.00	16	100.00
Jumlah Keseluruhan	0	0	8	100.00	16	100.00

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Februari 2019)

**Perbandingan Peratus Lulus Penuh (Gred C ke Atas) Mata Pelajaran
STPM 2017 dan STPM 2018**

Kod Mata Pelajaran	Mata Pelajaran	Peratusan Lulus Penuh		Beza Peratusan
		2017	2018	
900	Pengajian Am	91.07	92.16	+1.09
910	Bahasa Melayu	93.04	92.87	-0.17
911	Bahasa Cina	87.40	85.32	-2.08
912	Bahasa Tamil	81.54	77.95	-3.59
913	Bahasa Arab	73.90	72.15	-1.75
920	Literature in English	86.89	76.60	-10.29
922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	87.44	87.52	+0.08
930	Syariah	92.43	91.60	-0.83
931	Usuluddin	89.89	89.72	-0.17
940	Sejarah	92.34	91.66	-0.68
942	Geografi	89.98	89.97	-0.01
944	Ekonomi	76.29	78.05	+1.76
946	Pengajian Perniagaan	80.78	81.54	+0.76
948	Perakaunan	86.44	87.55	+1.11
950	Mathematics M	73.83	72.83	-1.00
954	Mathematics T	72.61	74.96	+2.35
958	Information and Communications Technology	89.47	92.69	+3.22
960	Physics	76.10	80.22	+4.12
962	Chemistry	82.94	82.69	-0.25
964	Biology	77.12	80.61	+3.49
966	Sains Sukan	97.94	97.45	-0.49
970	Seni Visual	97.37	98.56	+1.19

Lampiran 15

Bilangan dan Peratusan Calon STPM 2018 yang Mendapat Gred A Mengikut Mata Pelajaran

Kod Mata Pelajaran	Mata Pelajaran	Bilangan Hadir	Bilangan Mendapat A	Peratusan Mendapat A
900	Pengajian Am	42,778	3,568	8.34
910	Bahasa Melayu	27,923	4,585	16.42
911	Bahasa Cina	293	52	17.75
912	Bahasa Tamil	653	42	6.43
913	Bahasa Arab	1,738	120	6.90
920	Literature in English	94	7	7.45
922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	5,543	492	8.88
930	Syariah	2,273	262	11.53
931	Usuluddin	1,167	130	11.14
940	Sejarah	22,493	1,941	8.63
942	Geografi	11,172	1,516	13.57
944	Ekonomi	13,388	1,744	13.03
946	Pengajian Perniagaan	16,688	1,096	6.57
948	Perakaunan	2,282	201	8.81
950	Mathematics M	703	57	8.11
954	Mathematics T	4,521	507	11.21
958	Information and Communications Technology	506	83	16.40
960	Physics	2,255	245	10.86
962	Chemistry	4,443	264	5.94
964	Biology	2,321	131	5.64
966	Sains Sukan	2,782	285	10.24
970	Seni Visual	7,859	1,521	19.35

Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM

Penetapan Standard (Jawatankuasa Pensijilan STPM)




Cambridge Assesment International Education, UK (CA)



Majlis Peperiksaan Malaysia

Perlaksanaan semenjak STPM 1982



Pemantauan berterusan

Pentaksiran jitu

Konsultan dari Bahagian Standard Cambridge Assessment International Education, UK



Mr. Mark Dowling



Mrs. Diane Palmer



Jawatankuasa Pensijilan Majlis bersidang



Menjana Pentaksiran Jitu 

PENGIRAAN MERIT



SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA (STPM)
Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C dalam 3 mata pelajaran termasuk Pengajian Am.





KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2005

KELAYAKAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
MENGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN
BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM

SYARAT LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM DI PERINGKAT
STPM MENGGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN

4. Calon-calon yang memiliki Sijil STPM menggunakan NGMP boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan awam berdasarkan tahap kelulusan berikut:

- 4.1 lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran atas Gred C dengan NGMP 2.00 dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

- 4.2 lulus 2 mata pelajaran dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM dengan syarat kedua-dua mata pelajaran yang lulus itu mestilah sekurang-kurangnya mendapat:

2

- (a) Gred B dan B (NGMP 3.00 dan 3.00); atau
(b) Gred B+ dan B- (NGMP 3.33 dan 2.67); atau
(c) Gred A- dan C+ (NGMP 3.67 dan 2.33); atau
(d) Gred A dan C (NGMP 4.00 dan 2.00).

atau

- 4.3 lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran atas Gred C (NGMP 2.00) dan 2 mata pelajaran atas Gred C-, D+ atau D (NGMP 1.67, 1.33 atau 1.00) serta lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

- 4.4 lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran yang berlainan atas Gred C (NGMP 2.00) dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam STPM yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

5. Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di perenggan 4.1, 4.2, 4.3 atau 4.4 adalah tidak layak dipertimbang untuk maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelulusan STPM yang menggunakan NGMP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3